

naib mengadakan kepada isteri-isteri pegawai kanan UUM.

Naib Canselor, Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak ketika merasmikan kursus ini berkata, penganjuran kursus sebegini mampu membantu para isteri pegawai kanan UUM untuk lebih bersedia dalam aspek protokol dan etiket ketika menghadirkan diri dalam majlis-majlis berprofil tinggi.

"Imej isteri adalah imej suami. Maka adalah lebih baik sekiranya isteri mampu mencari nilai tambah kepada suami dengan mengetahui protokol-protokol di dalam majlis dengan lebih mendalam.

"Selain tatacara berpakaian, aspek perbualan dan panggilan hormat, serta kesopanan dan tatacara di meja makan, pendedahan topik-topik ini pastinya mampu membina perasaan yakin kepada diri sendiri dan seterusnya dapat menyesuaikan diri dalam pelbagai majlis yang dihadiri," katanya.

Seorang peserta, Tengku Azizah Tengku Ismail, isteri kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Datuk Dr Ahmad Faiz Abd Hamid berkata, kursus sebegini seharusnya dianjurkan pada setiap tahun.

"Saya sangat teruja berpeluang mengikuti kursus ini. Sebagai seorang isteri kepada pegawai kanan universiti, kami mempunyai tanggungjawab masing-masing.

"Selama hampir enam tahun, inilah kali pertama saya menyertai kursus sebegini yang diharap dapat memberi banyak ilmu berkenaan protokol-protokol majlis," katanya.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Rosna Awang Hashim, Pemangku Pendaftar, Mohamad Akhir Yusuf dan Pengarah Canselori, Baharudin Yaacob.

Kursus ini berlangsung bermula hari ini dan berakhir esok, 29 Disember 2010.

Habis.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT